

Lantikan Abdul Azeez diteliti semula - PM

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Cadangan pelantikan bekas Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) akan diteliti semula.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga Presiden UMNO mengenai perkara itu.

“Saya akan berbincang dengan Presiden UMNO, Ahmad Zahid mengenai salah satu pengumuman, belum dihantar surat (pelantikan rasmi GLC), termasuk cadangan (Abdul Azeez) Pengerusi Keda akan kita teliti semula, jadi belum ada pelantikan (Pengerusi Keda),” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada Program Sumbangan Rahmah di Bank Simpanan Nasional (BSN) Cawangan Bandar Meru Raya di sini, semalam.

Sebelum ini, Ahmad Zahid mengumumkan pelantikan Abdul Azeez sebagai Pengerusi KEDA yang baharu bagi menggantikan Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Sementara itu, mengenai Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) yang membidas Kerajaan Perpaduan kerana melantik beberapa pemimpin politik dalam syarikat berkaitan



ANWAR Ibrahim mengunjung! Bazar Ramadan Taman Jati di Meru, Ipoh, semalam. - UTUSAN//MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

kerajaan (GLC), Anwar berkata, pelantikan itu bukan dibuat terhadap syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Menurutnya, lagipun pelantikan tersebut berdasarkan kelayakan.

“Kalau dia ada kelayakan kita akan lantik dan telah pun dilantik berdasarkan kelayakan, seperti ada akauntan, peguam yang boleh (dilantik) tapi syarat-syaratnya kita ketatkan.

“Jadi jangan andaikan GLC itu seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini. Kita syaratkan dia jalankan tanggungjawab, dia tak boleh belanja lebih daripada yang ditentukan dan elaun-

elaun pun kita hadkan, mengikut kelayakan masing-masing,” katanya.

Sebelum ini Bersih membidas Kerajaan Perpaduan kerana melantik beberapa pemimpin politik dalam GLC yang bercanggah dengan pendirian kerajaan sebelum ini.

Antara yang dilantik dalam GLC ialah bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub dilantik semula sebagai Pengerusi FELCRA dan bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki sebagai Pengerusi Mara, agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).